

01/10/2002

Abang Dr Mahathir meninggal dunia

SUNGAI PETANI, Isnin - Abang Perdana Menteri, Mashahor Mohamad Iskandar, 79, meninggal dunia kerana sakit tua di rumahnya di Jalan Kapal Terbang, di sini, pagi ini.

Allahyarham yang meninggal dunia ketika tidur, disedari pembantu rumah, kira-kira jam 9.45 pagi ini.

Anak sulung Allahyarham, Zulkifli, 50, yang tinggal di Pulau Pinang diberitahu mengenai kematian bapanya menerusi panggilan telefon daripada adik perempuannya, Rosniah, 47, yang tinggal bersama Allahyarham, kira-kira jam 10.15 pagi ini.

"Menurut adik saya, Allahyarham bangun awal pagi. Selepas solat Subuh, bapa saya tidur semula. Selalunya, pembantu rumah akan mengejutkan Allahyarham untuk bersarapan.

"Bagaimanapun, Allahyarham tidak bergerak apabila dipanggil dan digerak badannya oleh pembantu rumah.

"Rosniah terus memanggil seorang doktor yang mengesahkan Allahyarham sudah meninggal dunia," katanya ditemui di rumah Allahyarham di sini, hari ini.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Fatimah Syam Ahmad, 68, tujuh anak iaitu empat lelaki dan tiga perempuan selain 16 cucu.

Allahyarham adalah anak keempat daripada lima beradik. Selepas bersara daripada jawatan terakhir sebagai Penolong Pengarah Jabatan Buruh Kedah, beliau menetap di sini.

Jenazahnya disembahyangkan di Masjid Sultan Muzaffar Shah, di sini sebelum dikebumikan di sebelah pusara abangnya, Allahyarham Mahadi di Kampung Penghulu Him, di sini, petang ini.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di rumah Allahyarham, kira-kira jam 2.15 petang.

Turut hadir, menziarahi jenazah Allahyarham ialah dua kakak Dr Mahathir, Habsah dan Robeah serta anak-anak Perdana Menteri, iaitu Datuk Paduka Marina, Mirzan, Mokhzani dan Mukhriz.

Antara mereka yang turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.